

RINGKASAN KAWASAN HUTAN MEMPUNYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI, HIGH CONSERVATION VALUE FOREST (HCVF) DI KOMPARTMEN 31 HUTAN SIMPAN GUNUNG TAMPIN

Begonia tampinica merupakan spesies endemik yang hanya boleh dijumpai di Hutan Simpan Gunung Tampin, Negeri Sembilan dan dikategorikan sebagai Sangat Terancam (*Critically Endangered*, CR) di dalam Senarai Merah Malaysia (Chan, 2016 & Chua *et al.*, 2009). Spesies ini tumbuh di atas batu – batuan besar berdekatan dengan kawasan sungai.

Kawasan seluas ±0.2 ha di Kompartmen 31, Hutan Simpan Gunung Tampin telah dikenalpasti sebagai Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan yang Tinggi atau *High Conservation Value Forest* (HCVF) pada tahun 2019 bertujuan melindungi *Begonia tampinica* dan habitatnya. Rancangan pengurusan ini disediakan sebagai satu garis panduan dalam pengurusan dan pemantauan spesies *B. tampinica* di kawasan HCVF tersebut.

Preskripsi pengurusan di dalam rancangan pengurusan ini dirangka berdasarkan dua (2) objektif iaitu; 1) memelihara populasi *Begonia tampinica* serta habitatnya, dan 2) meningkatkan saiz populasi *Begonia tampinica*. Ia merangkumi pendekatan pemuliharaan secara *in-situ* (di habitat asal) untuk memastikan keboleh hidupan dan kemandirian populasi untuk jangka masa panjang. Preskripsi yang disediakan bukan sahaja terhad kepada kawasan HCVF tersebut, malah merangkumi kawasan di luar kompartmen 31 HS Gunung Tampin.

Pengurusan HCVF HS Gunung Tampin disokong oleh tiga jenis pemantauan. Pertama, pemantauan operasi yang memfokuskan kepada pemeliharaan integriti pada sempadan dan kawasan HCVF. Kedua ialah pemantauan strategik untuk memantau kesihatan dan kemandirian subpopulasi *Begonia tampinica*. Ketiga ialah pemantauan terhadap ancaman sedia ada di samping mengenalpasti ancaman baru yang boleh menjejaskan subpopulasi *Begonia tampinica* serta kualiti habitatnya.